Dana BNM untuk PKS
Kemudahan Bantuan Kestabilan PKS (SME SRF)
Soalan Lazim

Kemudahan Bantuan Kestabilan PKS (SME SRF)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	**Apakah itu kemudahan SME SRF?**	• SME SRF merupakan kemudahan bantuan bersasar berjumlah RM10 bilion di bawah Dana BNM untuk PKS. Kemudahan ini bertujuan untuk menyediakan pembiayaan modal kerja segera kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), termasuk perusahaan mikro, yang berdaya maju namun terjejas dengan ketara akibat konflik yang sedang berlaku di Timur Tengah. • Memandangkan sesetengah PKS mungkin menghadapi gangguan operasi sementara serta cabaran aliran tunai, SME SRF bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan jangka pendek serta mengurangkan kekangan aliran tunai, sekali gus menyokong perniagaan yang terjejas untuk meneruskan operasi. • SME SRF kekal tersedia mulai 15 Mei 2026 hingga 30 Jun 2027, atau sehingga kemudahan ini digunakan sepenuhnya, mana-mana yang lebih awal.
2.	**Apakah ciri-ciri utama SME SRF?**	• Ciri-ciri utama SME SRF adalah seperti yang berikut: (i) Jumlah pembiayaan: Hingga RM750,000[1] bagi setiap PKS; (ii) Tempoh pembiayaan: Hingga 5 tahun; (iii) Kadar pembiayaan: Hingga 3.75% setahun

[1] PKS berkaitan dengan pemilikan saham bersama akan tertakluk pada had pembiayaan maksimum berasingan sebanyak RM750,000, dengan syarat PKS tersebut mempunyai tenaga kerja yang berasingan.

		(termasuk fi jaminan sebanyak 0.5% setahun); dan • Jaminan pembiayaan: Perlindungan jaminan sehingga 80% sama ada daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP).
3.	**Siapakah yang layak memohon untuk SME SRF?**	• PKS tempatan[2,3], termasuk perusahaan mikro, yang berdaya maju namun terjejas dengan ketara akibat gangguan perdagangan serta rantaian bekalan yang berpunca daripada konflik geopolitik di Timur Tengah (bermula bulan Mac 2026), boleh memohon SME SRF melalui institusi kewangan peserta (IKP). • IKP akan menilai setiap permohonan dan bekerjasama rapat dengan PKS untuk menentukan sama ada perniagaan PKS tersebut terjejas dengan ketara akibat konflik di Asia Barat. Pertimbangan utama bagi menentukan kesan terhadap PKS tersebut termasuk jenis perniagaan, serta tahap impak terhadap mana-mana perkara yang berikut: (i) Aliran tunai dan penampan mudah tunai; (ii) Kos dan margin; dan (iii) Pendapatan.
4.	**Bagaimanakah PKS boleh mengesahkan kelayakan mereka untuk memohon**	• PKS disarankan untuk menghubungi IKP secara terus. IKP akan menilai setiap permohonan, termasuk untuk menentukan sama ada PKS tersebut terjejas dengan ketara disebabkan oleh konflik di Asia Barat.

[2] Sekurang-kurangnya 51% pegangan pemilikan dipegang oleh warganegara Malaysia.
[3] PKS dalam dokumen ini merujuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Definisi PKS yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia dan boleh diakses melalui laman sesawang SME Corp.

	SME SRF?	
5.	**Bagaimanakah cara untuk PKS membuat permohonan SME SRF?**	• PKS boleh memohon SME SRF secara terus melalui IKP, yang merangkumi bank perdagangan, bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM. • Sila rujuk senarai IKP menerusi halaman Dana BNM untuk PKS dalam laman sesawang BNM, yang akan dikemas kini dari semasa ke semasa (https://www.bnm.gov.my/funds4sme).
6.	**Adakah SME SRF hanya terbuka kepada pelanggan IKP yang sedia ada sahaja?**	• SME SRF terbuka kepada semua PKS yang layak (sila rujuk soalan 3), tanpa mengira sama ada mereka merupakan pelanggan IKP yang sedia ada ataupun peminjam baharu.
7.	**Bolehkah PKS memohon SME SRF beberapa kali kepada IKP yang berlainan?**	• Ya, PKS boleh memohon SME SRF kepada beberapa IKP. Walau bagaimanapun, jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh semua IKP terhad kepada RM750,000 bagi setiap PKS. • Sekiranya permohonan kepada satu IKP tidak diluluskan, PKS boleh memohon SME SRF daripada IKP yang lain.
8.	**Apakah tujuan pembiayaan yang dibenarkan?**	• Pembiayaan di bawah SME SRF adalah khusus untuk tujuan modal kerja sahaja. • Pembiayaan semula kemudahan pinjaman/ pembiayaan sedia ada tidak dibenarkan.
9.	**Adakah cagaran diperlukan?**	• Tidak. Dengan adanya perlindungan jaminan, IKP tidak akan menghendaki cagaran untuk pembiayaan di bawah SME SRF.

10.	**Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh PKS untuk membuat permohonan?**	• IKP akan memaklumkan kepada pemohon mengenai dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan. • Walaupun keperluan berbeza mengikut IKP, secara amnya IKP memerlukan dokumen yang berikut bagi menyokong rekod prestasi perniagaan pemohon yang berdaya maju: (i) Penyata bank dan rekod transaksi; (ii) Data rekod akaun (iaitu CCRIS); dan/atau (iii) Penyata kewangan atau akaun pengurusan yang diaudit. • Selain itu, bagi menentukan kesan terjejas yang ketara pada perniagaan pemohon, IKP mungkin akan meminta pemohon untuk memberikan: (i) Rekod jualan, invois, pesanan pembelian; (ii) Kontrak pembekal dan surat-menyurat dengan pembekal yang menunjukkan peningkatan kos, kelewatan, pembatalan atau penangguhan penghantaran bekalan; dan/atau • (iii) Rekod pergerakan stok serta laporan penghutang atau pemiutang mengikut tempoh matang (*ageing*).
11.	**Berapakah tempoh IKP memproses permohonan ?**	• Industri kewangan mengiktiraf keperluan untuk memastikan dana disalurkan dengan segera kepada PKS yang terjejas. • Sehubungan dengan itu, IKP akan berusaha untuk meluluskan permohonan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas menerima dokumen yang lengkap daripada PKS.

12.	**Apakah bantuan lain yang tersedia jika perniagaan saya tidak layak memohon SME SRF?**	• PKS yang mempunyai pembiayaan sedia ada yang menjangkakan atau sudah pun mengalami kesukaran kewangan digalakkan untuk berhubung lebih awal dengan institusi kewangan masing-masing untuk mengenal pasti penyelesaian yang sesuai. Penyelesaian ini termasuk fleksibiliti pembayaran balik pinjaman, penstrukturan semula atau penjadualan semula kemudahan pembiayaan, atau langkah-langkah sokongan lain yang disesuaikan untuk membantu perniagaan kekal berdaya maju. • PKS juga boleh mendapatkan khidmat nasihat kewangan, sokongan pendidikan kewangan, serta bantuan pembayaran balik pinjaman secara menyeluruh daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui program seperti: (i) Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk individu dan peniaga milikan tunggal; dan (ii) Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) untuk PKS. • Bagi pembiayaan baharu, PKS digalakkan untuk berurusan dengan institusi kewangan bagi lebih memahami pelbagai pilihan pembiayaan berdaya maju yang tersedia, termasuk: (i) Skim Jaminan BNM–CGC (Bantuan Perniagaan - Skim Jaminan CGC) bagi pembiayaan terjamin jangka panjang untuk menyokong pertumbuhan dan pengembangan perniagaan; (ii) Skim Pembiayaan Mikro (https://www.bnm.gov.my/microfinance) untuk

		pembiayaan mikro; (iii) Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi PKS yang terlibat dalam aktiviti pelancongan; dan (iv) program pemberian pinjaman khusus yang ditawarkan oleh institusi kewangan. • PKS juga boleh melayari imSME (https://imsme.com.my/business-financing), sebuah platform pembiayaan digital sehenti oleh CGC yang membolehkan PKS mendapatkan maklumat dengan melayari, membuat perbandingan dan memohon pembiayaan daripada pelbagai IKP secara dalam talian.

Bank Negara Malaysia

1. Kemas kini pertama: 15 Mei 2026
2. Kemas kini terkini: 9 Oktober 2026